



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA**  
**DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu Epid 39/2009 (27 September hingga 3 Oktober 2009)

Jumlah kes yang dilaporkan pada minggu lepas (27 September hingga 3 Oktober 2009) meningkat sebanyak 247 kes banding dengan minggu sebelumnya. Sejumlah 585 kes dilaporkan pada minggu tersebut dengan tiada kematian berbanding 338 kes dengan 1 kematian bagi minggu sebelumnya.

Hampir semua negeri menunjukkan peningkatan kes kecuali Perak, Perlis dan WP Labuan. Jumlah kumulatif kes denggi menurun sebanyak 8% pada tahun 2009 iaitu sebanyak 32,008 kes dengan 71 kematian dilaporkan berbanding 34,522 kes dengan 78 kematian bagi tempoh sama pada tahun 2008. Maklumat pecahan kes mengikut negeri seperti dalam Lampiran A.

Sehingga kini, terdapat 15 lokaliti "hot spot" sedang dipantau di seluruh negara dengan tambahan 9 lokaliti "hot spot" baru manakala 10 lokaliti telah bebas "hot spot" (Lampiran C, D dan E). Daripada 585 kes denggi yang dilaporkan pada minggu lepas, 9 kes berlaku di lokaliti "hotspot". Adalah dukacita, masih lagi terdapat 7 (47%) daripada 15 lokaliti "hot spot" yang mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi

(Lampiran F). Ini menyumbang kepada masih berlakunya jangkitan demam denggi di kawasan-kawasan tersebut.

Sebanyak 259 kompaun bernilai RM45,400 dan 390 notis arahan pembersihan dikeluarkan untuk mendidik masyarakat tentang bahaya Demam Denggi daripada merebak.

Hanya 21 (35%) aktiviti gotong-royong dapat dijalankan walaupun sebanyak 60 gotong-royong disasarkan sepanjang minggu ini. Masih terdapat 17 lokaliti hotspot di negeri Selangor yang belum menjalankan gotong-royong semenjak lokaliti ini berlaku wabak.

Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pencegahan dan kawalan denggi, KKM telah menjalankan kempen media denggi dengan menyiarkan maklumat denggi melalui pelbagai saluran media massa. Bagi tempoh 16 Jun hingga 30 September 2009, sebanyak 5863 kekerapan iklan denggi telah disiarkan di 14 saluran radio, 143 kekerapan iklan denggi di 17 jenis suratkhbar pelbagai bahasa dan 2432 kekerapan iklan disiarkan melalui 17 saluran televisyen. Oleh itu, masyarakat diminta agar mengambil tindakan terhadap mesej yang telah disarankan bagi menghalang penularan jangkitan demam denggi.

Bagi penyakit Chikungunya, sejumlah 73 kes telah dilaporkan pada minggu lepas dengan peningkatan 47 kes berbanding minggu sebelumnya iaitu 26 kes. Jumlah terkumpul kes Chikungunya pada tahun ini adalah sebanyak 3,258 kes berbanding 4,271 pada tahun lepas. Negeri Sarawak menunjukkan peningkatan kes yang ketara berbanding minggu sebelumnya (meningkat 42 kes) dan menyumbang sebanyak 89% daripada bilangan kes Chikungunya di seluruh negara pada minggu lepas. Terdapat 7 lokaliti wabak Chikungunya di Negeri Sarawak melibatkan Bahagian Lawas (3 lokaliti), Betong (3 lokaliti) dan

Sibu (1 lokaliti). Sebanyak 63 kes dilaporkan dari kawasan wabak tersebut. Beberapa faktor yang telah dikenal pasti sebagai penyumbang peningkatan kes Chikungunya di Sarawak adalah punca pembiakan *Aedes* yang tinggi di lokaliti wabak disebabkan penduduk menyimpan air domestik di dalam bekas-bekas kerana tiada bekalan air paip ataupun tekanan air paip terlalu rendah, tiada perkhidmatan pungutan sisa pepejal secara berkala serta pembiakan di kawasan ladang koko dan ladang getah. Walaupun demikian, tiada kematian berkaitan penyakit Chikungunya dilaporkan sehingga kini. Bilangan kes yang dilaporkan mengikut negeri adalah seperti di Lampiran B.

Kes denggi sudah mula menunjukkan trend peningkatan. Justeru itu, masyarakat diminta meneruskan usaha melakukan pemeriksaan dan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk *Aedes* seminggu sekali bagi memastikan kawasan di dalam dan persekitaran rumah mereka bebas daripada pembiakan nyamuk *Aedes*. Segera dapatkan rawatan awal sekiranya mengalami demam bagi mengelakkan komplikasi akibat demam denggi yang boleh membahayakan nyawa pesakit.

**(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

5 Oktober 2009

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 39/2009  
(27 Sept. hingga 3 Okt. 2009)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 39/2009	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 39/2008
		Minggu 39 (27 Sept. – 3 Okt. 2009)	Minggu 38 (20 – 26 Sept 2009)		
1	Perlis	2	2	167	117
2	Kedah	5	2	629	995
3	P. Pinang	33	23	2,001	1,420 (1)
4	Perak	16	19	2,499 (1)	2,822 (9)
5	Selangor	200	131	15,593 (44)	14,662 (46)
6	WPKL & Putrajaya	47	16	2,995 (8)	3,985 (13)
7	N. Sembilan	25	14	722 (5)	1,040 (3)
8	Melaka	21	14 (1)	656 (3)	655 (2)
9	Johor	40	20	1,976 (3)	2,797 (17)
10	Pahang	16	12	694 (2)	915 (1)
11	Terengganu	27	8	778	1,336 (5)
12	Kelantan	9	2	893 (1)	1,921 (10)
13	Sarawak	123	60	1,568 (1)	985
14	Sabah	21	15	815 (3)	811 (2)
15	WP Labuan	0	0	22	61 (3)
	<b>Jumlah</b>	<b>585 (0)</b>	<b>338 (1)</b>	<b>32,008 (71)</b>	<b>34,522 (78)</b>

Nota:

( ) Kematian

**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG  
DILAPORKAN PADA MINGGU 39 DAN 38 BAGI TAHUN 2009**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1-39 Tahun 2009	Jumlah Kes bagi tahun 2008
		Minggu 39 (27 Sept. – 3 Okt 2009)	Minggu 38 (20 - 26 Sept 2009)		
1	Perlis	0	0	33	3
2	Kedah	0	0	784	181
3	P. Pinang	6	2	326	6
4	Perak	0	0	401	590
5	Selangor	0	0	418	353
6	WPKL &Putrajaya	0	0	93	27
7	N. Sembilan	0	0	31	176
8	Melaka	0	0	0	606
9	Johor	0	0	154	1,846
10	Pahang	0	0	71	341
11	Terengganu	0	0	58	4
12	Kelantan	2	1	428	135
13	Sarawak	65	23	456	3
14	Sabah	0	0	5	0
15	WP Labuan	0	0	0	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>73</b>	<b>26</b>	<b>3,258</b>	<b>4,271</b>

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Lampiran C

SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 03 Oktober 2009 (Mg 39)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MBSA	Tmn Desa Alam B Seks U12	32	39
2	SELANGOR	Gombak	Tmn Pinggiran Bt Caves (Zon 3)	34	95
3	SELANGOR	MPAJ	Taman Cempaka (Zon B)	23	67
4	SELANGOR	Gombak	Kg Laksamana (Ke 4)	9	38
5	SELANGOR	Sepang	Taman Mawar 2	11	32
6	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang (Zon B)	11	50
7	SELANGOR	MPSJ	PJS 9	9	45
8	SELANGOR	MPAJ	Pandan Indah (Zon 1)	6	34
9	SELANGOR	MPSJ	PJS 7/15 (Pangsa)	10	51
10	SELANGOR	MBPJ	Ara Damansara PJU 1A	12	36
11	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Alam Jaya	4	32
12	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desa Baiduri Cheres	5	34
13	WPKL	Klang Lama	Kuchai Lama ( De Tropicana Kondo)	6	31
14	JOHOR	MPPG	Flat Tmn Cendana Mukim Pelentong	27	89
15	T'GGANU	KKM	Flat Polis Padang Hiliran	15	31

Lampiran D

SENARAI "HOT SPOT" BARU BAGI MINGGU 39 (27-03 Oktober 2009)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh wabak berlaku
1	SELANGOR	MPAJ	Taman Cempaka (Zon B)	23	57
2	SELANGOR	Gombak	Kg Laksamana (Ke 4)	9	38
3	SELANGOR	Sepang	Taman Mawar 2	11	32
4	SELANGOR	MPAJ	Pandan Indah (Zon 1)	6	34
5	SELANGOR	MBPJ	Ara Damansara PJU 1A	12	36
6	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Alam Jaya	4	32
7	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desa Baiduri Cheres	5	34
8	WPKL	Klang Lama	Kuchai Lama ( De Tropicana Kondo)	6	31
9	T'GGANU	KKM	Flat Polis Padang Hiliran	15	31

Lampiran E

SENARAI LOKALITI BEBAS "HOT SPOT" BAGI MINGGU 39(27-03 Oktober 2009)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPSJ	PJS 7 (Teres)	12	39
2	SELANGOR	MPSJ	Taman Universiti Indah 2	5	38
3	SELANGOR	Gombak	Kg Simpang 3	7	36
4	SELANGOR	MPSJ	SS18	6	32
5	WPKL	Klang Lama	Kondo Rakyat	8	71
6	WPKL	Damansara	Brickfields (Berek Polis)	7	42
7	WPKL	Setapak	Tmn Setiawangsa (Mahsuri Apt)	6	33
8	JOHOR	MPPG	Tmn Scientex-helang	11	69
9	JOHOR	MPPG	Tmn Cahaya Masai Delima	10	55
10	JOHOR	MPPG	Flat SEDC 1-12	6	44

**SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR PEMBIAKAN NYAMUK  
AEDES YANG TINGGI BAGI MINGGU KE-39**

Bil.	Negeri	Daerah/Zon/PBT	Lokaliti	Peratus premis positif pembiakan daripada jumlah premis diperiksa (%)	Bilangan bekas positif pembiakan 100 premis diperiksa (BI)
1	Selangor	Gombak	Taman Pinggiran Bt. Caves (Zon 3)	4.3%	4
2	Selangor	Gombak	Kg. Laksamana (Ke-4)	12.5%	13
3	Selangor	MPAJ	Taman Dagang (Zon B)	2.3%	5
4	Selangor	MBSA	Taman Desa Alam B Seksyen U12	1.9%	2
5	Selangor	Sepang	Taman Mawar 2	3.4%	4
6	Johor	MPPG	Flat Taman Cendana Mukim Plentong	1.3%	1
7	Terengganu	KKM	Flat Polis Padang Hiliran	1.6%	2